



MUHAMMAD SYUKOR IBRAHIM

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan Dekan / Pensyarah di Fakulti Muzik Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda (Muzik) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Ijazah Sarjana Sains (Muzik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Kajian Ijazah Sarjana beliau adalah di dalam bidang Ethnomuzikologi dan Antropologi yang bertajuk *Perkembangan Muzik Nobat Nafiri di dalam Masyarakat di Kampung Bukit Gedong, Bukit Cina, Melaka*.

Beliau yang memilih *Violin* sebagai alat muzik utama telah menyumbang artikel di dalam *Malaysian Music Jurnal*, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bertajuk *Kumpulan Persembahan, Nobat Nafiri Melaka: Dokumentasi Terhadap Perkembangan, Gaya Persembahan dan Struktur Muzik dan Perlakuan Sosial* pada tahun 2016 bersama dengan penyelia beliau, Dr. Chan Jeong Jan dari UPM, dan artikel beliau juga telah diterbitkan di *International Journal of Arts, Culture and Heritage (IJACH) Volume 5* pada tahun 2017 juga bersama Dr. Chan. Beliau turut membentangkan kertas kerja di *2nd International Music Colloquium On Music Research (Music Dance) Environment* di UPM, Serdang pada tahun 2012, dan *3rd*

International Music Colloquium On Music Research (Music and Mind) di UPM pada tahun 2013.

Selain dari bidang Muzik, beliau telah bergiat aktif sebagai penyanyi dan pernah menghasilkan album bersama kumpulan *Dominant* sebagai vokalis utama pada tahun 1998 di bawah label *Polygram Record*. Selain itu, beliau juga pernah menganggotai Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) di bawah Istana Budaya sebagai pemain violin dan menganggotai Koir Kebangsaan.

Beliau turut berkebolehan dalam bidang seni lain secara aktif seperti menjadi Pelakon Teater Muzikal di *The Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPAC)* dan Istana Budaya, dan Pelakon Drama TV untuk siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV3 dan juga *All-Asian Satellite Television and Radio Operator (ASTRO)*. Beliau juga terlibat dengan pentas lakonan teater seperti teater *Muzikal Kesuma* pada tahun 2006, *Bangsawan Raja Andak, Raja Laksamana* pada tahun 2007, menjadi pelakon utama di dalam teater *Tunku The Musical* pada tahun 2007 arahan Joe Hafsham di KLPAC, teater *Muzikal Patriot* pada tahun 2008 di Istana Budaya dengan memegang watak sebagai pelakon utama, dan teater *Sirah Junjungan Tahajud Cinta* pada tahun 2009 arahan Eirma Fatima, teater *Muzikal Tun Razak* di Istana Budaya pada tahun 2009 dengan membawa watak sebagai Tunku Abdul Rahman arahan Dato' Rahim Razali, teater *Muzikal Gamat* arahan Zaifri Husin pada tahun 2009 di Istana Budaya, dan dua teater *Muzikal Uda dan Dara* arahan Dato' Rahim Razali, serta *Natrah* arahan Eirma Fatimah di lokasi yang sama iaitu Istana Budaya dan kedua-duanya pada tahun 2010.

Beliau juga terlibat di dalam drama produksi TV berjudul *Mas Kahwin* di saluran ASTRO Prima pada tahun 2007 dan filem pendek *Ire* pada tahun 2018 dan *Gmie* pada tahun 2014 terbitan pelajar ASWARA.

Beliau turut membintangi drama TV dan telemovie yang disiarkan di RTM dan TV3 seperti drama *Serpihan Laungan Takbir* arahan Eirma Fatima, *Gerak Khas*, telemovie *Lambretta Paklang Hussin*, dan alih suara untuk animasi Bathuta di TV1 serta drama Adamaya di TV3 pada tahun 2010.

Beliau yang kini mengajar di peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bagi subjek Tinjauan Muzik Malaysia, Sejarah Muzik, alat muzik Violin, Teori Muzik, Sejarah dan Perkembangan Muzik Popular dan Solfeggio. Selain itu, beliau menjadi penyelia bagi Penulisan Laporan Projek Akhir pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Pusat Asasi Seni Kreatif ASWARA telah melantik beliau untuk mengajar subjek Apresiasi Muzik. Beliau pernah mengajar di Fakulti Teater Filem dan Animasi (FiTA) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Perdana dan Shah Alam dalam subjek Music and Society bagi pelajar diperingkat Diploma pada tahun 2011 hingga tahun 2014.